

## Kemampuan terbukti dalam kejuruteraan teknikal

IMPIANNYA menjadi angkasawan sejak kecil tidak kesampaian setelah menyedari ia agak mustahil dicapai.

Cik Nur Irza Tutty Roslan, kemudian merubah aspirasinya untuk menjadi pegawai polis pula ketika di sekolah menengah atas galakan ibunya.

Namun, selepas mengalami satu kecederaan serius di kaki, beliau melupakan sahaja hasratnya itu.

Walau bagaimanapun, halangan tersebut tidak menghambat semangat Cik Nur Irza terus mencari kerjaya yang sesuai bagi diri dan masa depannya.

Berkat ketekunan melakukan sesuatu pekerjaan, Cik Nur Irza, 20 tahun, berasa dirinya mungkin sudah menemui pekerjaan yang beliau minati.

Anak bongsu empat beradik itu akan memulakan pekerjaan barunya sebagai jurutera teknikal di sebuah syarikat swasta yang khusus menghasilkan sensor pintar, selepas majlis tamat pengajian di Politeknik Singapura (SP) nanti.

Beliau juga berpeluang meningkatkan kemahirannya di Jerman pada Jun ini bersama syarikat tersebut.

Bagi lulusan Diploma jurusan Mekatronik dan Robotik (DMRO) itu peluang itu datang tanpa diduga walaupun kursus tersebut bukan pilihan utamanya.

“Ketika baru menyertai kursus DMRO saya tidak begitu meminatinya dan tidak yakin dengan kebolehan saya dalam bidang kejuruteraan.

“Namun, saya amat bersyukur kerana mempunyai seorang pensyarah, Encik Ho Sum Lim, yang begitu mengambil berat dan meyakini kebolehan saya dari tahun pertama hingga kini.

“Oleh itu saya amat besar hati apabila diberi peluang bekerja sepenuh masa dengan syarikat SICK Pte Ltd di mana saya pernah melakukan latihan amali bersama mereka dahulu,” kata Cik Nur Irza.

Ketika melakukan latihan amali dengan syarikat itu selama 21 minggu di bawah program lanjutan latihan amali, Cik Nur Irza diberi kepercayaan menghasilkan alat sensor. Enam daripada alat peranti itu telah dihasilkan dan digunakan dalam syarikat di pelbagai negara sebagai sebahagian usaha menguji alat itu.

Cik Nur Irza kini berharap dapat memberikan yang terbaik kepada kerjayanya dan berhasrat meningkatkan pengetahuannya dengan mengambil kursus ijazah pula kelak.

“Impian saya tidak berhenti di sini. Saya berharap selepas ini dapat menyambung pelajaran di peringkat ijazah pula,” ujar Cik Nur Irza.



**SOKONGAN DAN DORONGAN SUMBER INSPIRASI:** Cik Nur Irza kini gembira kerana sudah mendapat tawaran pekerjaan sebagai jurutera teknikal dan mengembangkan lagi bakatnya dalam bidang itu.